

AXCEL LORATADINE SYRUP

Loratadine (5mg/5ml)

APAKAH YANG ADA PADA RISALAH INI

1. Apakah kegunaan Axccl Loratadine Syrup.
2. Bagaimana Axccl Loratadine Syrup berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Axccl Loratadine Syrup.
4. Cara menggunakan Axccl Loratadine Syrup.
5. Semasa menggunakan Axccl Loratadine Syrup.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axccl Loratadine Syrup.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

APAKAH KEGUNAAN AXCEL LORATADINE SYRUP

Axccl Loratadine Syrup digunakan untuk melegakan simptom berkaitan dengan rinitis (radang membran mukus di dalam hidung) alergi. Contohnya bersin, lelehan mukus cair dari hidung (rinorea) dan gatal-gatal, termasuk gatal dan pedih pada okular (mata), urtikaria (ruam merah dan gatal yang timbul pada kulit) kronik, dan masalah alergi kulit yang lain.

BAGAIMANA AXCEL LORATADINE SYRUP BERFUNGSI

Loratadine ialah antihistamina trisiklik yang bertindak secara berpanjangan dengan aktiviti antagonis reseptor H1 histamina periferi yang selektif. Ia bertindak dengan menghalang tindakan salah satu bahan kimia semulajadi badan yang dikenali sebagai histamina. Histamina bertanggungjawab untuk kebanyakan gejala disebabkan oleh alergi.

SEBELUM MENGGUNAKAN AXCEL LORATADINE SYRUP

Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda alergi atau hipersensitif terhadap kandungan Axccl Loratadine Syrup.

- Jika ia bukan dipreskripsikan oleh doktor atau ahli farmasi bertauliah kepada anda.
- Jangan ambil Axccl Loratadine Syrup jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.
- Jangan ambil Axccl Loratadine Syrup jika anda menyusukan anak. Loratadine derembeskan ke dalam susu ibu. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

Sebelum mula menggunakan

Sebelum anda mengambil Axccl Loratadine Syrup anda perlu memaklumkan kepada doktor anda:

- Jika anda alergi terhadap ubat-ubatan, makanan dan pewarna.
- Jika anda mengambil ubat-ubatan lain (termasuk yang tidak dipreskripsikan oleh doktor anda).
- Jika anda menghadapi kemerosotan fungsi hati yang serius.

Penggunaan terhadap kanak-kanak: Keselamatan dan keberkesanan loratadine terhadap kanak-kanak di bawah umur 2 tahun belum dibuktikan.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain yang mungkin berinteraksi dengan Axccl Loratadine Syrup:

- Alkohol.
- Ketoconazole (antikulat).
- Erythromycin (antibiotik).
- Cimetidine (ubat untuk merawat ulser perut).
- Amprenavir (ubat untuk merawat jangkitan HIV).

CARA MENGGUNAKAN AXCEL LORATADINE SYRUP

Berapa banyak harus digunakan

Sirap ini bertujuan untuk diambil secara oral sahaja sekali sehari.

Kanak-kanak (2-12 tahun):

Berat > 30kg: 10ml setiap hari.

Berat < 30 kg: 5ml setiap hari.

Dewasa dan kanak-kanak 12 tahun ke atas: 10ml setiap hari.

Masalah hati:

Dos permulaan 5ml sekali sehari atau 10ml selang sehari.

Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu mengambil Axccl Loratadine Syrup.

Berapa lama perlu digunakan

Teruskan pengambilan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Jika mengambil berlebihan (terlebi dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

SEMASA MENGGUNAKAN AXCEL LORATADINE SYRUP

Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang

AXCEL LORATADINE SYRUP

Loratadine (5mg/5ml)

menggunakan Axcel Loratadine Syrup.

- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Axcel Loratadine Syrup dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

Perkara yang perlu diberi perhatian

- Gunakannya dengan berhati-hati jika anda menghadapi masalah hati yang serius.
- Hamil dan menyusukan bayi.
- Kanak-kanak bawah 2 tahun.

KESAN-KESAN SAMPINGAN

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Loratadine Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan berikut jarang dilaporkan:

- Sakit kepala.
- Sedasi
- Kegemuruhan

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers -> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

CARA PENYIMPANAN DAN PELUPUSAN AXCEL LORATADINE SYRUP

Penyimpanan

Jauhkan Axcel Loratadine Syrup dari jangkauan kanak-kanak.

Simpan di bawah 30°C. Pastikan bekas ubat tertutup rapat dan lindungi dari cahaya.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

MAKLUMAT LANJUT

Rupa dan warna produk

Axcel Loratadine Syrup merupakan sirap tidak berwarna, jernih, dengan perisa pic.

Bahan-bahan kandungan

Bahan Aktif:

Loratadine

Bahan-bahan Tidak Aktif:

Refined Sugar, Sodium Benzoate, Citric Acid, Sodium Saccharin, Sorbitol, Propylene Glycol, Peach Flavour, Purified Water, Aspartame.

Nombor MAL

MAL20021421AZ

PENGILANG DAN PEMEGANG PENDAFTARAN PRODUK

KOTRA PHARMA (M) SDN BHD
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,
Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

TARIKH KEMASKINI RIMUP

12/01/2023

NOMBOR SIRI

BPFK(R4/1)190515/00111